



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62
Bil. 6

12hb Mac 2009

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 396.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Zulkarnain bin Arsyad dan Ainun binti Nawaui yang beralamat di PT 139, Kampung Tersusun Taman Tasik Permai, 31000 Batu Gajah penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Aras Bawah, Bahagian Pendaftaran Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah pada hari Khamis 26 Mac 2009 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

302

[12hb Mac 2009]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sg. Terap. No. Lot—57686. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 306/78. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 801/2001 dan Perserahan 1607/05.

Bertarikh 24 Februari 2009
[KD. 17/5-437]

HAJI SABUDDIN BIN UTHMAWI
b.p. Pentadbir Tanah
Kinta

No. 397.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Bahari bin Harun, yang beralamat di Lot 38150, Kampung Serkai Jadi, 31750 Tronoh, Perak, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Aras Bawah, Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah pada hari Khamis, 26 Mac 2009 jam 11.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Belanja. No. P.T.—Plot 30. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 59/76. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 545/85 Jilid 15 Folio 49.

Bertarikh 24 Februari 2009
[KD. 17/5-440]

HAJI SABUDDIN BIN UTHMAWI
b.p. Pentadbir Tanah
Kinta

No. 398.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abd Rahim bin Abd Razak, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 April 2009, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Tapah dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM31,500.00.
2. Saya dapat aman yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM48,096.45.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bidor. No. Lot/Petak/P.T.—2876. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 3393. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 671/97.

Bertarikh 5 Februari 2009
[PTBP(D) 9/414]

ABD. RAHIM BIN ABD RAZAK
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Batang Padang
Tapah*

No. 399.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PENERIMA GADAIAN

Saya, Haji Sabuddin bin Uthmawi, Penolong Pentadbir Tanah Kinta, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 24 Mac 2009, jam 10.00 pagi di Aras Bawah Kaunter Pendaftaran Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM40,000.00.
2. Saya dapat aman yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM73,030.16.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM4,000 (RM: Empat Ribu sahaja);

- (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya kepada pemegang gadaian; dan
- (c) di mana amaun penuh tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya;
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadai dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa tidak lebih satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 23 Julai 2009 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sg. Terap. No. Lot—302096. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3239.
 Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 610/2005.

Bertarikh 23 Februari 2009
 [KD. 17/5-434]

HAJI SABUDDIN BIN UTHMAWI
b.p. Pentadbir Tanah
Kinta

No. 400.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
 MENGENAI AKAUN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
 (KANAN)
 MAJLIS BANDARAYA IPOH
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada pernyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam pernyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian pernyata kewangan secara keseluruhan.
3. Pada pendapat saya, pernyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kanan), Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2006, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Ipoh
Bertarikh 1 November 2007

t.t.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

MAJLIS BANDARAYA IPOH
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KANAN) MAJLIS BANDARAYA IPOH
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PERBELANJAAN	2006	2005	PENDAPATAN		2006	2005
	(RM)	(RM)		(RM)	(RM)	(RM)
Faedah dikreditkan kepada Ahli-Ahli	4,897.95	4,515.25	Baki Di bawa ke hadapan		43,523.38	43,558.63
Faedah tidak dibahagikan di bawa ke hadapan	43,515.01	43,523.38	Faedah Yang Terdapat		4,889.58	4,480.00
	<hr/>	<hr/>			<hr/>	<hr/>
	48,412.96	48,038.63			48,412.96	48,038.63
AKAUN AHLI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006						
C.AHLI	C.MAJIKAN	2006	2005	C.AHLI	C.MAJIKAN	2006
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Butir-Butir						
Dibayar kepada Ahli-Ahli	2,806.38	0.00	2,806.38	2,966.37	Baki dalam Akaun @ 1.1.2006	40,470.29
Dipindah ke KWSP dll.	0.00	0.00	0.00	0.00	Faedah atas Pelaburan dibahagi untuk tahun	1,263.31
Baki dalam Akaun						3,634.64
Ahli pada 31.12.2006	38,927.22	115,864.35	154,791.57	152,700.00		4,897.95
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>		<hr/>
	41,733.60	115,864.35	157,597.95	155,666.37		41,733.60
						115,864.35
						157,597.95
						155,666.37

Faedah yang dikreditkan kepada Ahli dengan kadar-kadar berikut:
 1/4 tahun pertama 0.73%, 1/4 kedua: 0.79%, 1/4 ketiga: 0.83%, 1/4 keempat: 0.85%

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KANAN) MAJLIS BANDARAYA IPOH
MAJLIS BANDARAYA IPOH
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

LIABILITI	2006 (RM)	2005 (RM)	ASET	2006 (RM)	2005 (RM)
Carum Pekerja-Pekerja			Aset Semasa		
	38,927.22	40,470.29	Deposit - Bumiputra Commerce Bank	150,000.00	150,000.00
Carum Majikan	115,864.35	112,229.71			
	134,791.57	152,700.00			
Faeadah Yang Tidak Dibahagikan	43,515.01	43,523.38	Faeadah Yang Terakru	740.55	653.43
			Wang Tunai Di Bank	47,566.03	45,569.95
	198,306.58	196,223.38			
				198,306.58	196,223.38

(DATO' MOHAMAD RAFIAI BIN HAJI MOKTAR)
t.t
Datuk Bandar poh

t.t.
(HAJJAH SAIDATUL AK
Pengarah Kewangan

No. 401.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKAUN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(RENDAH)
MAJLIS BANDARAYA IPOH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006**

Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Rendah), Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2006, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Ipoh
Bertarikh 1 November 2007

t.t.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

MAJLIS BANDARAYA IPOH
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (RENDAH) MAJLIS BANDARAYA IPOH
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

PERBELIANJAAN	2006		2005		PENDAPATAN		2006		2005	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	Baki Dibawa ke hadapan	Faedah Yang Terdapat	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Faedah dikreditkan kepada Ahli-Ahli	40,511.21		35,150.41				98,906.37		99,188.59	
Faedah tidak dibahagikan dibawa ke hadapan	98,537.23		98,906.37				40,142.07		34,868.19	
	139,048.44		134,056.78						139,048.44	134,056.78
AKAUN AHLI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006										
C.AHLI	C.MAJIKAN	2006	2005		C.AHLI	C.MAJIKAN	2006	2005		
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)		
Butir-Butir					Butir-butir					
Dibayar kepada Ahli-Ahli	79,495.87		24,670.70	104,166.57	87,945.26	Baki dalam Akaun @	436,350.93	899,435.92	1,335,786.85	1,388,581.70
						1.1.2006				
Dipindah ke KWSP dll.	0.00		0.00	0.00	0.00	Faedah atas Pelaburan	11,935.82	28,575.39	40,511.21	35,150.41
Baki dalam Akaun						dibahagi untuk tahun				
Ahli pada 31.12.2006	368,790.88		903,340.61	1,272,131.49	1,335,786.85					
	448,286.75		928,011.31	1,376,298.06	1,423,732.11					
							448,286.75	928,011.31	1,376,298.06	1,423,732.11

Faedah yang dikreditkan kepada Ahli dengan kadar-kadar berikut:
1/2 tahun pertama 1.48%, 1/2 tahun ketua: 1.74%.

MAJLIS BANDARAYA IPOH
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (RENDAH) MAJLIS BANDARAYA IPOH
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

LIABILITI	2006 (RM)	2005 (RM)	ASET (RM)	2006 (RM)	2005 (RM)
Carum Pekerja-Pekerja	368,790.88	436,350.93	Aset Semasa	1,103,000.00	1,103,000.00
			Deposit - Bumiputra Commerce Bank	200,000.00	200,000.00
Carum Majikan	903,340.61	899,435.92	- RHB Bank	1,303,000.00	1,303,000.00
Faedah Yang Terakru	1,272,131.49	1,335,786.85	Faedah Yang Terakru	5,819.47	5,016.72
Faedah Yang Tidak Dibahagikan	98,537.23	98,906.37	Wang Tunai Di Bank	61,849.25	126,676.50
	1,370,668.72	1,434,693.22			

t.t
(DATO' MOHAMAD RAFIAT BIN HJ. MOKTAR
Datuk Bandar Ipoh)

t.t
(HAJIAH SAIDATUL AKMA BINTI JAMALUDIN)
Pengarah Kewangan Bandaraya,

Hakeiptak ^⑪
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada manfa-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang ditunjuk),

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PHIIK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
